

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan pecahan jumlah penduduk mengikut negeri yang menerima
bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan adakah jumlah
bantuan akan dinaikkan berikutan kos sara hidup yang semakin tinggi.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap keperluan dan kebajikan golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Sehubungan ini, bantuan kebajikan disediakan bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana bantuan kebajikan ini bukanlah untuk menampung sepenuhnya kos sara hidup tetapi sebagai langkah sementara bagi membantu kumpulan sasaran.

Sebanyak 10 skim bantuan dikendalikan oleh JKM dan bagi tahun 2014 iaitu bermula Januari hingga bulan September, peruntukan sebanyak RM1.012 bilion telah disalurkan kepada 459,643 orang penerima mengikut negeri seperti berikut:

STATISTIK PENERIMA BANTUAN MENGIKUT NEGERI 2014

Negeri	2014 (sehingga September)	
	Bil. Kes	RM
Johor	47,368	110,542,752
Kedah	38,069	59,264,795
Kelantan	40,851	74,715,433
Melaka	27,503	67,789,440
Negeri Sembilan	26,915	58,702,593
Pahang	28,375	69,943,266
Perak	37,717	85,263,905
Perlis	8,804	16,560,143
Pulau Pinang	21,311	53,151,030
Sabah	60,803	145,212,263
Sarawak	31,672	69,051,055
Selangor	39,605	91,475,436
Terengganu	35,707	76,642,793
W.P. Kuala Lumpur	13,973	31,772,702
W.P. Labuan	970	2,222,150
Jumlah	459,643	1,012,309,756

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Bagi memastikan kadar bantuan yang diberikan sentiasa relevan dengan keperluan semasa, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha mengkaji kadar bantuan yang

diberikan dari semasa ke semasa. Kadar bantuan bagi semua jenis skim bantuan iaitu Bantuan Anak Pelihara (BAP), Bantuan Latihan Perantis (BLP), Bantuan Am (BA) Persekutuan, Bantuan Geran Pelancaran (BGP), Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Orang Tua (BOT), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) telah dikaji dari semasa ke semasa sejak 1999 hingga kini.

Penyelarasan kadar bantuan kebajikan kali terakhir telah dibuat dan diumumkan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 lalu dimana Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar **Elaun Pekerja Cacat (EPC)** daripada RM300 kepada RM350 sebulan, manakala **Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)** pula dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan berkuat kuasa mulai Januari 2015 melibatkan penambahan peruntukan berjumlah RM66 juta.